

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88
HKT 202 - Kritikan Sastera

Tarikh: 14 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab **EMPAT** soalan.

1. Di antara aspek-aspek teori psikoanalisis Freud yang diperkaitkan dengan kritikan sastera ialah perihal penegasan bahawa mimpi adalah sebagian besar pengucapan seni bawahsadar dan perhubungan yang erat antara neurosis dengan penciptaan karya sastera kreatif.

Setujukah anda dengan gagasan ini? Bincangkan.
2. Apakah yang difahamkan dengan Modernisme? Sejauh manakah fahaman ini mempengaruhi berbagai pendekatan kritikan sastera kontemporari. Beri huraian dengan menyatakan pro dan kotranya fahaman ini ke atas kritikan sastera.
3. Antara pengertian estetika yang berbagai itu ialah kesan seni yang berlandaskan persepsi pancaindera dan persepsi hasrat jiwa. Setujukah anda dengan pengertian ini kalau dijadikan dasar dalam kritikan sastera? Bincangkan.
4. Watak-watak "Wanita Durjana", "Kambing Hitam", "Talam Dua Muka" dan juga watak "Badut" sering diperkaitkan dengan ciri-ciri universal perwatakan dalam pengucapan seni bawahsadar bersama mengikut pendekatan Tipainduk. Setujukah anda dengan pola ini? Bincangkan.
5. Islam mengakui dan menghargai peranan emosi, imaginasi dan intuisi dalam penciptaan karya sastera, tetapi emosi, imaginasi dan intuisi itu wajib diungguli oleh keimanan-ketaqwaan kepada Allah sebagai penentu dan pengesah bagi menjaminkan kesahihan teknik dan matlamat sesebuah karya sastera berunsur Islam. Setujukah anda dengan pegangan ini? Bincangkan.

.../2

6. Pendapat ada mengatakan bahawa pendekatan sejarah dalam kritikan sastera perlu mengikut nilai dan semangat zaman yang mendasari sesebuah karya sastera itu. Huraikan pendapat ini dengan memberikan contoh-contoh.
7. Yang mendasari pendekatan sosiologi dalam kritikan sastera ialah aspek pertentangan kelas dalam masyarakat akibat dari permasalahan ekonomi, politik, sosial sedangkan aspek kaedah pengucapan seni hanya dipinggir-pinggirkan saja. Setujukah anda dengan pendapat ini? Bincangkan.
8. Sejauh manakah benarnya tanggapan bahawa dalam strukturalisme (a) unit-unit dalam sesuatu sistem (umpamanya imej-imej dalam sebuah puisi) mempunyai makna semata-mata kerana adanya hubungan dalaman antara unit-unit tersebut, dan (b) lantaran itu, seseorang pembaca tidak perlu mencari-cari makna dengan merujuk ke luar sistem berkenaan? Kemukakan penilaian anda mengenai strukturalisme, khususnya berhubung dengan tanggapan ini.
9. Menurut ajaran semiotik, pembaca selamanya tidak akan sampai pada tahap "bacaan" terakhir, kerana tiap kekaburan dalam teks yang dibaca akan membawa kepada kekaburan lain pula dan pembaca akan terus-menerus terlibat dalam kerja membina dan meruntuh makna. Berikan penjelasan dan kritikan anda mengenai ajaran ini.
10. Bincangkan secara kritis prinsip konsentrisisme Hosillos dalam Kesusasteraan Bandingan dan tunjukkan kaitannya dengan kaedah yang dikemukakan oleh David Malone.

-ooo000ooo-